



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

LAPORAN BANCİ PERTANIAN 2024 NEGERİ SEMBILAN

**Pendapatan Sektor Pertanian Negeri Sembilan Mencecah
RM11.22 bilion pada 2023, Diterajui Subsektor Ternakan dan Tanaman**

SEREMBAN, 16 APRIL 2026 – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah menerbitkan Laporan Banci Pertanian 2024 Negeri Sembilan yang memperkenalkan parameter baharu bagi sektor pertanian, merangkumi pendapatan, perbelanjaan serta gaji dan upah bagi tahun rujukan 2023. Selain itu, laporan ini turut menyediakan parameter terkini berkaitan pegangan pertanian, keluasan bertanam dan bertuai, kuantiti pengeluaran dan jualan, nilai jualan serta guna tenaga.

Dapatan ini adalah hasil daripada Banci Pertanian 2024 yang dilaksanakan bermula 7 Julai 2024 hingga 31 Oktober 2024 melalui kerjasama yang meluas dan strategik antara DOSM dengan 1,390 agensi berkaitan pertanian di peringkat persekutuan, negeri dan daerah. Antara kementerian dan agensi utama yang terlibat ialah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Kementerian Perlindungan dan Komoditi (KPK), Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES), Kementerian Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah Sarawak (M-FICORD) serta Kementerian Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan Sabah (MAFFI). Di peringkat negeri, kerjasama strategik yang dilaksanakan melibatkan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, Pejabat Tanah & Galian Negeri Sembilan, Jabatan Pertanian Negeri Sembilan, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Sembilan, Jabatan Perikanan Negeri Sembilan, Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan dan agensi lain yang berkaitan.

Negeri Sembilan merekodkan 45,355 pegangan pertanian, di mana 44,011 merupakan pegangan pertanian individu yang mewakili 97.0 peratus daripada jumlah keseluruhan. Sementara itu, baki 1,344 (3.0%) pegangan pertanian diruruskan oleh pertubuhan. Profil terkini juga menunjukkan sejumlah 43,093 (95.0%) pegangan pertanian dalam subsektor tanaman dengan 42,181 (97.9%) adalah pegangan pertanian individu. Selain itu, seramai 1,153 pegangan pertanian individu terlibat dalam subsektor ternakan, 477 dalam subsektor perikanan tangkapan, 312 dalam subsektor akuakultur dan 89 dalam subsektor perhutanan & pembalakan.

Jumlah keluasan bertanam di Negeri Sembilan adalah seluas 266.2 ribu hektar. Aktiviti tanaman kelapa sawit mencatat keluasan terbesar iaitu 194.7 ribu hektar, diikuti oleh getah (58.4 ribu hektar), buah-buahan (7.0 ribu hektar) dan sayur-sayuran (2.6 ribu hektar).

Banci Pertanian 2024 turut merekodkan jumlah nilai jualan bagi subsektor tanaman di Negeri Sembilan berjumlah RM4.80 bilion, manakala subsektor ternakan mencatatkan RM4.78 bilion. Sementara itu, subsektor akuakultur telah menjana nilai jualan sebanyak RM120.93 juta. Nilai jualan hasil subsektor perikanan tangkapan dan subsektor perhutanan & pembalakan masing-masing mencatatkan RM10.13 juta RM24.84 juta.

Prestasi Pendapatan

Jumlah pendapatan sektor pertanian Negeri Sembilan pada tahun 2023 berjumlah RM11.22 bilion, dengan subsektor ternakan merupakan penyumbang terbesar dengan nilai RM5.63 bilion (50.2%), diikuti oleh subsektor tanaman RM5.43 bilion (48.4%), subsektor akuakultur RM122.73 juta (1.1%), subsektor perhutanan & pembalakan RM29.60 juta (0.3%) serta subsektor perikanan tangkapan sebanyak RM11.60 juta (0.1%). Tiga (3) daerah pentadbiran yang merekodkan jumlah pendapatan tertinggi ialah Tampin dengan nilai RM4.17 bilion, diikuti oleh Jempol (RM2.25 bilion) dan Kuala Pilah (RM1.39 bilion).

Pegangan pertanian yang diusahakan oleh pertubuhan menyumbang RM9.29 bilion, bersamaan 82.8 peratus daripada jumlah pendapatan sektor pertanian Negeri Sembilan, manakala pegangan pertanian individu menyumbang RM1.93 bilion (17.2%). Corak yang sama turut diperhatikan merentasi empat (4) subsektor iaitu

ternakan, tanaman, akuakultur serta perhutanan & pembalakan. Pegangan pertanian yang diusahakan oleh pertubuhan masing-masing menjana pendapatan yang lebih tinggi iaitu RM5.30 bilion (94.2%) dalam subsektor ternakan, RM3.86 bilion (71.2%) dalam subsektor tanaman, RM94.88 juta (77.3%) dalam subsektor akuakultur dan RM28.83 juta (97.4%) dalam subsektor perhutanan & pembalakan, berbanding RM325.83 juta (5.8%), RM1.56 bilion (28.8%), RM27.85 juta (22.7%) dan RM0.77 juta (2.6%) daripada pegangan pertanian individu. Dalam subsektor perikanan tangkapan, pegangan pertanian individu menyumbang keseluruhan pendapatan subsektor ini, berjumlah RM11.60 juta.

Mengikut subsektor, Jempol merupakan penyumbang terbesar pendapatan subsektor tanaman dengan nilai RM1.92 bilion, diikuti oleh Tampin (RM0.86 bilion) dan Port Dickson (RM0.76 bilion). Bagi subsektor ternakan, Tampin mendahului dengan pendapatan RM3.30 bilion, manakala Kuala Pilah dan Seremban masing-masing merekodkan RM0.97 bilion dan RM0.46 bilion. Dalam subsektor perikanan tangkapan, Port Dickson mencatat pendapatan tertinggi iaitu RM10.67 juta, sementara Rembau dan Seremban masing-masing merekodkan RM0.34 juta. Bagi subsektor akuakultur, Port Dickson juga merekodkan pendapatan tertinggi sebanyak RM44.08 juta, diikuti oleh Seremban (RM43.85 juta) dan Jelebu (RM13.27 juta). Sementara itu, bagi subsektor perhutanan & pembalakan, Seremban menerajui kedudukan dengan pendapatan RM16.00 juta, diikuti oleh Jempol sebanyak RM8.36 juta dan Tampin sebanyak RM3.82 juta.

Perbelanjaan

Jumlah perbelanjaan sektor pertanian Negeri Sembilan pada tahun 2023 adalah RM3.16 bilion. Subsektor tanaman merekodkan perbelanjaan tertinggi iaitu RM1.68 bilion (53.3%), diikuti oleh subsektor ternakan RM1.40 bilion (44.4%). Manakala, selebihnya dicatatkan oleh akuakultur sebanyak RM52.51 juta (1.7%), perhutanan & pembalakan RM13.43 juta (0.4%) serta perikanan tangkapan RM5.90 juta (0.2%).

Sebahagian besar perbelanjaan sektor pertanian dipacu oleh pegangan pertanian pertubuhan yang menyumbang 75.2 peratus (RM2.38 bilion) daripada jumlah keseluruhan, berbanding 24.8 peratus (RM0.79 bilion) oleh pegangan pertanian individu. Trend yang sama turut diperhatikan merentasi empat (4) subsektor iaitu

ternakan, tanaman, akuakultur serta perhutanan & pembalakan. Pegangan pertanian yang diusahakan oleh pertubuhan masing-masing mencatatkan perbelanjaan yang lebih tinggi iaitu RM1.16 bilion (82.7%) subsektor ternakan, RM1.15 bilion (68.5%) subsektor tanaman, RM46.60 juta (88.8%) subsektor akuakultur dan RM13.34 juta (99.3%) subsektor perhutanan & pembalakan, berbanding RM0.24 bilion (17.3%), RM0.53 bilion (31.5%), RM5.90 juta (11.2%) dan RM88.14 ribu (0.7%) daripada pegangan pertanian individu. Bagi subsektor perikanan tangkapan, keseluruhan perbelanjaan ditanggung oleh pegangan pertanian individu, berjumlah RM5.90 juta.

Tiga (3) daerah dengan sumbangan perbelanjaan tertinggi sektor pertanian Negeri Sembilan adalah Jempol (RM807.48 juta), Tampin (RM646.03 juta) dan Seremban (RM507.85 juta). Bagi subsektor tanaman, tiga daerah pentadbiran dengan perbelanjaan tertinggi adalah Jempol dengan RM588.18 juta, diikuti Tampin (RM261.80 juta) dan Port Dickson (RM251.47 juta). Bagi subsektor ternakan, Tampin merekodkan perbelanjaan tertinggi RM380.99 juta, diikuti oleh Seremban (RM314.97 juta) dan Kuala Pilah (RM309.47 juta). Perbelanjaan tertinggi subsektor akuakultur direkodkan di Seremban sebanyak RM19.61 juta, diikuti oleh Port Dickson (RM19.52 juta) dan Jelebu (RM5.22 juta). Sementara itu, Seremban turut mendahului subsektor perhutanan & pembalakan dengan RM7.45 juta, diikuti oleh Jempol (RM4.20 juta) dan Tampin (RM1.18 juta). Bagi subsektor perikanan tangkapan, Port Dickson merekodkan perbelanjaan tertinggi dengan RM5.38 juta, diikuti oleh Rembau (RM0.19 juta) dan Seremban (RM0.18 juta).

Guna Tenaga dan Gaji & Upah

Guna Tenaga sektor pertanian Negeri Sembilan mencatatkan seramai 53,196 orang pada tahun 2023. Daripada jumlah ini, 31,687 orang (59.6%) merupakan pegangan pertanian individu, manakala 21,509 orang (40.4%) merupakan pegangan pertanian pertubuhan. Guna tenaga sebahagian besarnya tertumpu di Jempol (16,673 orang), Tampin (8,858 orang) dan Port Dickson (7,531 orang) yang menyumbang 62.2 peratus daripada jumlah guna tenaga. Seramai 31,534 orang pekerja bergaji direkodkan pada tahun 2023, diikuti oleh 20,125 orang pemilik & rakan niaga aktif dan 1,537 orang pekerja keluarga tanpa gaji.

Purata gaji dan upah tahunan sektor pertanian di Negeri Sembilan berjumlah RM19,747 dengan pegangan pertanian pertubuhan mencatatkan RM20,028 dan

pegangan pertanian individu, RM19,282. Daerah pentadbiran yang merekodkan paras melebihi purata gaji dan upah tahunan negeri adalah Kuala Pilah (RM26,584), Seremban (RM23,436) dan Tampin (RM19,956).

Melangkah Ke hadapan

Berdasarkan Banci Pertanian 2024, DOSM turut membangunkan Gerbang Digital Statistik Pertanian (TaniStats 2.0) yang telah dirasmikan oleh Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar, pada 7 Disember 2025. Inisiatif ini merupakan satu langkah strategik dalam transformasi pengurusan data pertanian negara melalui pembangunan sebuah platform pintar bersepadu yang menggabungkan hasil banci, data pentadbiran dan maklumat rantai bekalan ke dalam satu ekosistem digital bersepadu.

Sektor pertanian di Negeri Sembilan terus memainkan peranan sebagai pemacu utama pertumbuhan ekonomi negeri, khususnya dalam menyokong pembangunan luar bandar dan kesejahteraan komuniti setempat. Sektor ini bukan sahaja memastikan bekalan makanan yang mencukupi dan stabil, malah menjadi sumber pendapatan utama kepada sebahagian besar isi rumah, terutamanya dalam kalangan pengusaha kecil dan sederhana. Parameter daripada banci ini menyediakan maklumat terperinci hingga ke peringkat daerah pentadbiran bagi menyokong perancangan dasar dan pelaksanaan intervensi yang lebih bersasar serta berkesan. Dengan dominasi pegangan pertanian individu sebagai tulang belakang ekonomi rakyat dan penglibatan pertubuhan yang memacu aktiviti pengeluaran secara lebih komersial, sektor pertanian Negeri Sembilan dijangka akan terus berkembang ke arah lebih berdaya saing. Perkembangan ini disokong oleh peningkatan produktiviti, penggunaan teknologi moden serta memperkukuh keterjaminan makanan dan pembangunan ekonomi negeri yang mampan dan inklusif.

Banci Pertanian akan dilaksanakan sekali pada setiap 10 tahun bagi memastikan data adalah relevan dan menggambarkan struktur sektor pertanian negara.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang melaksanakan **Banci Ekonomi 2026 (BE2026)** dengan tema “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. Pelaksanaan Banci Ekonomi kali keenam ini berlangsung dari **5 Disember hingga 31 November 2026**. BE2026 bertujuan untuk mengumpul data yang menyeluruh dan berstruktur daripada semua pertubuhan perniagaan berdaftar dan tidak berdaftar di Malaysia, bagi menilai prestasi, struktur serta ciri-ciri ekonomi negara secara komprehensif dan berasaskan bukti.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki **tangga pertama (1)** di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

TaniStats 2.0 merupakan hab utama maklumat pertanian bersepadu yang menyediakan paparan statistik berinformatif, berstruktur dan mesra pengguna bagi memperkukuh pemahaman awam terhadap corak dan perubahan sektor pertanian, sekaligus menyokong inisiatif transformasi digital ke arah dasar yang lebih inklusif dan berasaskan bukti. Akses TaniStats di <https://tanistats.dosm.gov.my>

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
16 APRIL 2026


**JADUAL 1: PENDAPATAN TIGA AKTIVITI UTAMA MENGIKUT DAERAH PENTADBIRAN,
NEGERI SEMBILAN, 2023**

DAERAH PENTADBIRAN	JUMLAH PENDAPATAN (RM Juta)	AKTIVITI UTAMA	PENDAPATAN AKTIVITI UTAMA (RM Juta)	AKTIVITI KEDUA	PENDAPATAN AKTIVITI KEDUA (RM Juta)	AKTIVITI KETIGA	PENDAPATAN AKTIVITI KETIGA (RM Juta)
Jelevu	967.34	Kelapa Sawit	420.71	Ternakan	278.07	Buah-Buahan	176.07
Jempol	2,252.03	Kelapa Sawit	1,685.44	Ternakan	317.32	Getah	154.65
Kuala Pilah	1,389.39	Ternakan	968.50	Kelapa Sawit	232.34	Buah-Buahan	60.32
Port Dickson	967.90	Kelapa Sawit	503.57	Buah-Buahan	229.00	Ternakan	150.91
Rembau	423.05	Ternakan	153.38	Kelapa Sawit	115.79	Buah-Buahan	86.29
Seremban	1,056.81	Ternakan	461.49	Kelapa Sawit	340.60	Buah-Buahan	85.00
Tampin	4,165.94	Ternakan	3,299.22	Kelapa Sawit	678.89	Getah	80.45

**JADUAL 2: PERBELANJAAN TIGA AKTIVITI UTAMA MENGIKUT DAERAH PENTADBIRAN,
NEGERI SEMBILAN, 2023**


DAERAH PENTADBIRAN	JUMLAH PERBELANJAAN (RM Juta)	AKTIVITI UTAMA	PERBELANJAAN AKTIVITI UTAMA (RM Juta)	AKTIVITI KEDUA	PERBELANJAAN AKTIVITI KEDUA (RM Juta)	AKTIVITI KETIGA	PERBELANJAAN AKTIVITI KETIGA (RM Juta)
Jelevu	239.78	Kelapa Sawit	119.94	Buah- Buahan	51.75	Ternakan	30.81
Jempol	807.48	Kelapa Sawit	478.55	Ternakan	213.36	Getah	76.14
Kuala Pilah	445.96	Ternakan	309.47	Kelapa Sawit	67.97	Getah	22.53
Port Dickson	346.96	Kelapa Sawit	146.81	Buah- Buahan	94.14	Ternakan	70.30
Rembau	167.22	Ternakan	84.74	Kelapa Sawit	34.48	Buah- Buahan	22.37
Seremban	507.85	Ternakan	314.97	Kelapa Sawit	99.28	Buah- Buahan	25.54
Tampin	646.03	Ternakan	380.99	Kelapa Sawit	190.76	Getah	38.83

Paparan 1: Parameter Utama Sektor Pertanian, Negeri Sembilan, 2023




Sumber: Banci Pertanian 2024

Paparan 2: Pendapatan dan Perbelanjaan Sektor Pertanian, Negeri Sembilan, 2023




Sumber: Banci Pertanian 2024

**Paparan 3: Pendapatan dan Perbelanjaan Sektor Pertanian,
Negeri Sembilan mengikut Daerah, 2023**



Sumber: Banci Pertanian 2024

**Paparan 4: Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah Tahunan
Negeri Sembilan mengikut Daerah, 2023**





MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

AGRICULTURE CENSUS 2024 REPORT NEGERI SEMBILAN

Agriculture Sector Income in Negeri Sembilan Reached RM11.22 billion in 2023, Driven by the Livestock and Crops Subsectors

SEREMBAN, 16TH APRIL 2026 – The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has released the Agriculture Census 2024 Report for Negeri Sembilan, introducing new parameters for the agriculture sector, including income, expenditure and salaries and wages for the reference year 2023. The report also provides the latest parameters on agricultural holdings, planted and harvested areas, production and sales quantities, sales value and employment.

These findings are derived from the Agriculture Census 2024, conducted from 7th July 2024 to 31st October 2024 through extensive and strategic collaboration between DOSM and 1,390 agriculture-related agencies at the federal, state, and district levels. Key ministries and agencies involved include the Ministry of Agriculture and Food Security (KPKM), the Ministry of Plantation and Commodities (KPK), the Ministry of Natural Resources and Environmental Sustainability (NRES), the Sarawak Ministry of Food Industry, Commodity and Regional Development (M-FICORD) and the Sabah Ministry of Agriculture, Fisheries and Food Industry (MAFFI). At the state level, the strategic collaboration involved the Negeri Sembilan State Secretary's Office, the Negeri Sembilan Land and Mines Office, the Department of Agriculture Negeri Sembilan, the Department of Veterinary Services Negeri Sembilan, the Negeri Sembilan State Fisheries Department, the Negeri Sembilan State Forestry Department, as well as other related agencies.

Negeri Sembilan recorded 45,355 agricultural holdings of which 44,011 were individual representing 97.0 per cent of the total. Meanwhile, the remaining 1,344 (3.0%) agricultural holdings were managed by establishment. The updated profile also indicates 43,093 (95.0%) crop subsector agricultural holdings of which 42,181 (97.9%) are individual. In addition, 1,153 agricultural individuals holdings are involved in livestock subsector, 477 in captured fisheries subsector, 312 in aquaculture subsector and 89 in forestry & logging subsector.

The total planted area in Negeri Sembilan is 266.2 thousand hectares. Oil palm cultivation recorded the largest area at 194.7 thousand hectares, followed by rubber (58.4 thousand hectares), fruits (7.0 thousand hectares) and vegetables (2.6 thousand hectares).

The Agriculture Census 2024 also recorded that the total sales value of the crop subsector in Negeri Sembilan amounted to RM4.80 billion, while the livestock subsector recorded RM4.78 billion. Meanwhile, the aquaculture subsector generated sales worth RM120.93 million. The sales value of the captured fisheries and the forestry & logging subsectors amounted to RM10.13 million and RM24.84 million respectively.

Income Performance

The total income of the agriculture sector for Negeri Sembilan in 2023 amounted to RM11.22 billion, with the livestock subsector emerged as the largest contributor at RM5.63 billion (50.2%), followed by crops subsector RM5.43 billion (48.4%), aquaculture subsector RM122.73 million (1.1%), the forestry & logging subsector RM29.60 million (0.3%), and captured fisheries subsector RM11.60 million (0.1%). Three (3) administrative districts recorded the highest total income were Tampin with a value of RM4.17 billion, followed by Jempol (RM2.25 billion) and Kuala Pilah (RM1.39 billion).

Agricultural holdings operated by establishments contributed RM9.29 billion, equivalent to 82.8 per cent of Negeri Sembilan's total agriculture sector income, while agricultural individual holdings accounted for RM1.93 billion (17.2%). A similar pattern was observed across four (4) subsectors namely livestock, crop, aquaculture and forestry & logging. Establishment holdings generated higher income of RM5.30 billion

(94.2%) in livestock subsector, RM3.86 billion (71.2%) in crop subsector, RM94.88 million (77.3%) in aquaculture subsector and RM28.83 million (97.4%) in forestry & logging subsector as compared to RM325.83 million (5.8%), RM1.56 billion (28.8%), RM27.85 million (22.7%) and RM0.77 million (2.6%), respectively, from individual holdings. In the captured fisheries subsector, agricultural individual holdings accounted for the entire income of the subsector, amounting RM11.60 million.

By subsector, Jempol was the largest contributor of the crop subsector, with RM1.92 billion, followed by Tampin (RM0.86 billion) and Port Dickson (RM0.76 billion). For the livestock subsector, Tampin led with RM3.30 billion in income, while Kuala Pilah and Seremban recorded RM0.97 billion and RM0.46 billion respectively. In the captured fisheries subsector, Port Dickson recorded the highest income at RM10.67 million, while Rembau and Seremban recorded RM0.34 million each. For the aquaculture subsector, Port Dickson also recorded the highest income at RM44.08 million, followed by Seremban (RM43.85 million) and Jelebu (RM13.27 million). Meanwhile, for the forestry & logging subsector, Seremban led with an income of RM16.00 million, followed by Jempol with RM8.36 million and Tampin with RM3.82 million.

Expenditure

The total expenditure of the agricultural sector for Negeri Sembilan in 2023 amounted to RM3.16 billion. The crop subsector recorded the highest expenditure at RM1.68 billion (53.3%), followed by the livestock subsector at RM1.40 billion (44.4%). Meanwhile, the remainder was accounted for by aquaculture subsector at RM52.51 million (1.7%), forestry & logging subsector at RM13.43 million (0.4%) and captured fisheries subsector at RM5.90 million (0.2%).

A significant share of agricultural sector expenditure was driven by agricultural establishment holdings, which contributed 75.2 per cent (RM2.38 billion) of the total expenditure, as compared to 24.8 per cent (RM0.79 billion) by agricultural individual holdings. A similar trend was observed across four (4) subsectors namely livestock, crop, aquaculture and forestry & logging. Establishment holdings generated higher expenditure of RM1.16 billion (82.7%) in livestock subsector, RM1.15 billion (68.5%) in crop subsector, RM46.60 million (88.8%) in aquaculture subsector and RM13.34 million (99.3%) in forestry & logging subsector, as compared to RM0.24 billion

(17.3%), RM0.53 billion (31.5%), RM5.90 million (11.2%) and RM88.14 thousand (0.7%), respectively, from individual holdings. In the captured fisheries subsector, agricultural individual holdings accounted for the entire income of the subsector, amounting RM11.60 million. For the captured fisheries subsector, the entire expenditure was incurred by agricultural individual holdings amounting to RM5.90 million.

The three (3) districts with the highest contribution to agricultural sector expenditure in Negeri Sembilan were Jempol (RM807.48 million), Tampin (RM646.03 million), and Seremban (RM507.85 million). For the crop subsector, the three administrative districts with the highest expenditure were Jempol at RM588.18 million, followed by Tampin (RM261.80 million) and Port Dickson (RM251.47 million). In the livestock subsector, Tampin recorded the highest expenditure at RM380.99 million, followed by Seremban (RM314.97 million) and Kuala Pilah (RM309.47 million). The highest aquaculture subsector expenditure was recorded in Seremban at RM19.61 million, followed by Port Dickson (RM19.52 million) and Jelebu (RM5.22 million). Meanwhile, Seremban also led the forestry & logging subsector with RM7.45 million, followed by Jempol (RM4.20 million) and Tampin (RM1.18 million). For the captured fisheries subsector, Port Dickson recorded the highest expenditure at RM5.38 million, followed by Rembau (RM0.19 million) and Seremban (RM0.18 million).

Employment and Salaries & Wages

Employment of the agriculture sector in Negeri Sembilan stood at 53,196 persons in 2023. Of this total, 31,687 persons (59.6%) were from agricultural individual holdings, while 21,509 persons (40.4%) were from agricultural establishment holdings. Employment was largely concentrated in Jempol (16,673 persons), Tampin (8,858 persons) and Port Dickson (7,531 persons), which together accounted for 62.2 per cent of total employment. A total of 31,534 paid employees were recorded in 2023, followed by 20,125 active owners and business partners, as well as 1,537 unpaid family workers.

The average annual salaries and wages of the agricultural sector in Negeri Sembilan amounted to RM19,747, with agricultural establishment holdings recorded RM20,028 and agricultural individual holdings at RM19,282. The administrative districts that

recorded levels above the state's average annual salaries and wages were Kuala Pilah (RM26,584), Seremban (RM23,436), and Tampin (RM19,956).

Moving Forward

Based on the Agriculture Census 2024, DOSM has also developed the Agricultural Statistics Digital Gateway (TaniStats 2.0), which was officiated by the Chief Secretary to the Government, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar, on 7 December 2025. This initiative represents a strategic step in transforming the nation's agricultural data management through the development of an integrated smart platform that consolidates census results, administrative data and supply chain information into a comprehensive digital ecosystem.

The agriculture sector in Negeri Sembilan continues to play a key role as a major driver of the state's economic growth, particularly in supporting rural development and the well-being of local communities. The sector not only ensures a stable and sufficient food supply but also serves as a primary source of income for many households, especially among small and medium-scale operators. The census statistics provide detailed information down to the district level, enabling more targeted and effective policy planning and implementation of interventions. With individual agricultural holdings forming a significant part of the sector and establishments driving more commercialised production activities, the agriculture sector in Negeri Sembilan is expected to continue growing towards greater competitiveness. This development is supported by productivity improvements, adoption of modern technologies, and strengthens food security while promoting sustainable and inclusive economic growth in the state.

The Agriculture Census is conducted once every ten years to ensure that the data remains relevant and reflective of the structure of the national agriculture sector.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the **Economic Census 2026 (BE2026)**, with themed “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. The sixth Economic Census, will be carried out from **5th January to 31st November 2026**. BE2026 aims to collect comprehensive and structured data from all registered and unregistered business establishments in Malaysia to assess the nation’s economic performance, structure and characteristics in an evidence-based manner.

Malaysia has, for the first time, successfully secured the **top position** globally in the biennial **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 197 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

TaniStats 2.0 is a centralised agricultural information hub that provides informative, structured and user-friendly statistical dashboards to strengthen public understanding of patterns and changes in the agriculture sector, thus supporting digital transformation initiatives towards more inclusive and evidence-based policies. Access TaniStats at <https://tanistats.dosm.gov.my>.

Released by:


THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
16 APRIL 2026

**TABLE 1: INCOME FOR THE THREE MAIN ACTIVITIES BY ADMINISTRATIVE DISTRICT,
NEGERI SEMBILAN, 2023**


ADMINISTRATIVE DISTRICT	TOTAL INCOME (RM Million)	MAIN ACTIVITIES	INCOME MAIN ACTIVITIES (RM Million)	SECOND ACTIVITIES	SECOND ACTIVITIES INCOME (RM Million)	THIRD ACTIVITIES	THIRD ACTIVITIES INCOME (RM Million)
Jelevu	967.34	Oil Palm	420.71	Livestock	278.07	Fruits	176.07
Jempol	2,252.03	Oil Palm	1,685.44	Livestock	317.32	Rubber	154.65
Kuala Pilah	1,389.39	Livestock	968.50	Oil Palm	232.34	Fruits	60.32
Port Dickson	967.90	Oil Palm	503.57	Fruits	229.00	Livestock	150.91
Rembau	423.05	Livestock	153.38	Oil Palm	115.79	Fruits	86.29
Seremban	1,056.81	Livestock	461.49	Oil Palm	340.60	Fruits	85.00
Tampin	4,165.94	Livestock	3,299.22	Oil Palm	678.89	Rubber	80.45

**TABLE 2: EXPENDITURE FOR THE THREE MAIN ACTIVITIES BY ADMINISTRATIVE DISTRICT,
NEGERI SEMBILAN, 2023**

ADMINISTRATIVE DISTRICT	TOTAL EXPENDITURE (RM Million)	MAIN ACTIVITIES	EXPENDITURE MAIN ACTIVITIES (RM Million)	SECOND ACTIVITIES	SECOND ACTIVITIES EXPENDITURE (RM Million)	THIRD ACTIVITIES	THIRD ACTIVITIES INCOME (RM Million)
Jelevu	239.78	Oil Palm	119.94	Fruits	51.75	Livestock	30.81
Jempol	807.48	Oil Palm	478.55	Livestock	213.36	Rubber	76.14
Kuala Pilah	445.96	Livestock	309.47	Oil Palm	67.97	Rubber	22.53
Port Dickson	346.96	Oil Palm	146.81	Fruits	94.14	Livestock	70.30
Rembau	167.22	Livestock	84.74	Oil Palm	34.48	Fruits	22.37
Seremban	507.85	Livestock	314.97	Oil Palm	99.28	Fruits	25.54
Tampin	646.03	Livestock	380.99	Oil Palm	190.76	Rubber	38.83


Exhibit 1: Key Parameters of the Agriculture Sector, Negeri Sembilan, 2023

Source: Agriculture Census 2024

Exhibit 2: Income and Expenditure Agriculture Sector, Negeri Sembilan, 2023

Source: Agriculture Census 2024

Exhibit 3: Income and Expenditure Agriculture Sector, Negeri Sembilan by District, 2023



Source: Agriculture Census 2024

Exhibit 4: Employment and Annual Mean Salaries & Wages, Negeri Sembilan by District, 2023

